



**KERATAN AKHBAR**  
**23 Oct 2020 (Jumaat)**

**Berita Harian**

Air bawah tanah boleh jadi sumber bekalan alternatif  
Pengarah syarikat antara 8 direman

1  
2

**Utusan Malaysia**

Pencemaran: Lapan individu direman tujuh hari  
Gangguan air sejak lebih 10 tahun  
Tular video: Azhar hanya tuntut keadilan

3  
4  
5

**Harian Metro**

Gesa guna undi pos  
8 direman bantu siasatan kes pencemaran air sungai gong

6  
7

**Kosmo**

Gangguan air, 2 beranak antara 8 individu direman tujuh hari  
'MB Selangor boleh, tetapi rakyat tak boleh?'

8  
9

**Sinar Harian**

Lapan lelaki direman tujuh hari

10

**Selangor TV**

Belanjawan 2021: Fokus Anak Muda Ceburi Bidang Pertanian  
Subang Jaya Kini Bandar Raya, ADN Puji...  
Tingkat Kemudahan Awam, Perhebat Kehidupan Bandar Subang Jaya

11  
12  
13

**The Star**

MBPJ ANNOUNCEMENT  
Standardising speed bumps  
Heaps of rubbish dumped on cars double parked by mechanic  
Upgrades in the pipeline  
Smart tech city's expanding footprint  
Telco scores double win at awards

14  
15  
16  
17  
18  
19

**New Straits Times**

Air Selangor: Water supply fully restored

20

**The Sun**

Company director and dad among eight remanded

21

**BFM89.9**

Bukit Aman Is Investigating Selangor Menteri Besar For Breaching Self-Quarantine

22

**EdgeProp.my**

Water distruption in Klang Valley  
Subang Jaya Municipal Council attains city status

23  
24

**Lite FM**

Selangor govt to expedite relocation of factories near riverbanks and water sources  
Selangor govt to expedite relocation of factories near riverbanks and water sources

25  
26



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



### **China Press**

A woman requested the verdict to be non-Muslim, Federal Court will hear an appeal in December.

27

### **Sin Chew Daily**

MPS adjusts counter service hours

28

### **Makkal Osai**

Bukit Aman investigating Selangor MB over quarantine breach

29

Detention extended for 8 regarding Selangor river pollution

30

### **Malaysia Nanban**

Water bill discount is necessary

31

A lot of allocation for indian society; Selangor government is an example

32



## KERATAN AKHBAR

23 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Air bawah tanah boleh jadi sumber bekalan alternatif
Muka Surat	:	12

# Air bawah tanah boleh jadi sumber bekalan alternatif

**Isu** pencemaran sungai menjadikan sumber bekalan air di Lembah Klang sangat hingga menimbulkan persoalan kepada masyarakat.

Lima sungai paling tercemar dibabak aktiviti pembuangan sampah dan kehadiran kilang di sepanjang sungai ialah Sungai Juru dan Sungai Pinang di Pulau Pinang; Sungai Klang dan Sungai Puchala di Kuala Lumpur dan Sungai Segget di Johor.

Pencemaran sungai menyebabkan empangan takungan sumber air turut tercemar dan memaksa pihak berwajib menghentikan operasi bagi menjalankan kerja pembersihan.

Pada Mac tahun lalu, tragedi pencemaran Sungai Kim Kim di Johor menggemparkan masyarakat dengan keracunan toksik dalam udara akibat pencemaran sungai. Baru-baru ini, Sungai Gong dan Sungai Selangor tercemar yang menyebabkan bekalan air ke tujuh kawasan di Lembah Klang terjejas.

Sungai ini sumber air kepada Empangan Sungai Selangor yang menjadi takungan air utama bagi bekalan Lembah Klang.

Persoalannya, apakah kebergantungan sumber bekalan air semata-mata daripada empangan masih relevan? Mungkinkah perlu difikirkan alternatif mendapatkan sumber bekalan air, selain empangan dan sungai.

Secara umum, sumber air boleh dibagi kepada sumber air permukaan merangkumi sungai dan tasik serta sumber air di bawah permukaan tanah. Hampir 95 peratus sumber bekalan air di negara ini daripada air permukaan dengan pembinaan empangan bagi takungan air serta sumber hidroelektrik.

Penggunaan air bawah permukaan tanah masih minimum dan dianggapkan membabitkan kurang 5 peratus daripada sumber bekalan air seluruh negara. Faktor utama mempengaruhi penggunaan itu ialah Malaysia mempunyai sungai mengalir sepanjang tahun yang menjadi sumber utama bekalan, selain pengurusan mendapatkan air daripada sungai lebih mudah.

Namun, seharusnya kita sedar Malaysia mempunyai sumber air tanah tinggi dan sepatutnya menjadi alternatif bagi menampung keperluan bekalan air terutama ketika berlaku pencemaran kepada bekalan air permukaan.

Malaysia dikatakan mempunyai sumber air tanah berkapasiti 5,000 billion meter padu dengan keupayaan penjanaan semula sebanyak 64 billion meter padu setahun. Kapasiti ini sangat besar dan sudah tentu berupaya menjadi sumber alternatif bekalan air negara.

Air tanah ialah air bersih berpuncak daripada air hujan meresap daripada permukaan melalui tanah dan terkumpul dalam rongga batuan dan butiran tanah. Lapisan batuan dan tanah yang kaya dengan air serta produktif untuk



diekstrak dikenali sebagai akuifer.

Lapisan akuifer ini mesti bersifat telap yang membolehkan air mengalir melaluiinya. Sifat telap air penting dalam menentukan air dalam akuifer boleh diambil dalam kadar tertentu dan pada masa sama, kuantiti air diambil boleh dijanakan semula.

Akuifer terbahagi kepada akuifer terkurung dan akuifer tidak terkurung. Akuifer terkurung merujuk lapisan telap air dilapisi bahagian atas dengan lapisan tidak telap air seperti lapisan lumpur, lodak atau granit.

Akuifer tidak terkurung sebaliknya tiada lapisan terbatit yang menyebabkan air daripada akuifer boleh merebak ke permukaan dengan mudah. Lapisan akuifer baik ialah lapisan terkurung dikatakan mempunyai jumlah air besar dan tidak mengalami pencemaran dari permukaan.

Dalam satu telaga, ada kemungkinan dua atau tiga lapisan akuifer pada kedalaman berbeza. Akuifer pertama biasanya akuifer tidak terkurung dengan kedalaman cetek daripada beberapa meter sehingga 20 atau 30 meter.

Akuifer ini banyak dipengaruhi perubahan musim hujan dan kemarau. Akuifer kedua dan ketiga kemungkinan pada kedalaman sekitar 50 hingga 150 meter. Paras air dalam akuifer lebih dalam ini biasanya lebih stabil dan tidak dipengaruhi perubahan musim.

Sebagai ahli geologi, peranan utama dalam eksplorasi air tanah adalah menentukan ciri batuan yang menjadi akuifer baik bagi sumber air tanah. Jabatan Mineral dan Geosains selaku badan bertanggungjawab membuat kajian terperinci berkaitan ciri-ciri batuan aquifer.

Dikatakan kewujudan aquifer boleh dikaitkan dengan empat kumpulan batuan, iaitu enapan alluvium, batu kapur, batuan sedimen dan volkanik serta batu granit.

Enapan alluvium ialah kumpulan batuan paling berpotensi untuk dijumpai aquifer baik. Enapan alluvium ini terdiri daripada lapisan lumpur, lodak, pasir dan kerikil belum terkonsolidasi atau termampat menjadi batuan keras.

Itu biasa wujud di sepanjang pantai dan lembangan sungai. Kadang pengeluaran air tanah dalam alluvium secara umum dikatakan melebihi 30 meter padu sejam dalam lapisan pasir dan kerikil. Namun, di Kelantan dan Terengganu, didapati kadang pengeluaran dicatatan boleh mencapai 100 meter padu sejam.

Berbeza di Kedah dan Johor yang dikatakan kebanyakannya alluvium adalah terdiri daripada lumpur menyebabkan kadar pengeluaran air tanah lebih rendah. Bagi alluvium berdekaan dengan pantai kebanyakannya air tanah dicemari air masin.

Air tanah dalam batu kapur dikatakan dijumpai di beberapa kawasan di Perlis, utara Kedah dan Perak serta di Ulu Kelantan. Secara umumnya, aquifer dalam batu kapur dikatakan mempunyai kadar pengeluaran sekitar 20 hingga 30 meter padu sejam.

Namun, terdapat juga aquifer dalam batu kapur tua di Perlis yang mempunyai kadar pengeluaran dicatatan mencapai 65 meter padu sejam.

Akuifer dalam batuan sedimen dan volkanik dikatakan wujud secara terhad kepada kawasan tertentu sahaja. Akuifer kedua dan ketiga kemungkinan pada kedalaman sekitar 50 hingga 150 meter. Paras air dalam aquifer lebih dalam ini biasanya lebih stabil dan tidak dipengaruhi perubahan musim.

Batu granit yang meliputi hampir separuh daripada Semenanjung juga mempunyai aquifer terhad kepada kawasan tertentu. Akuifer boleh didapati dalam batuan granit yang terletuhawa tinggi dan kadangkala dalam zon retak dalam granit. Kadang pengeluaran sekitar 10 hingga 20 meter padu sejam.

Batu granit yang meliputi hampir separuh daripada Semenanjung juga mempunyai aquifer terhad kepada kawasan tertentu. Akuifer boleh didapati dalam batuan granit yang terletuhawa tinggi dan kadangkala dalam zon retak dalam granit. Kadang pengeluaran sekitar 10 hingga 20 meter padu sejam.

Walaupun kewujudan aquifer secara umum boleh dikaitkan dengan jenis batuan, cabaran dalam eksplorasi air tanah masih lagi tinggi. Cabaran utama adalah untuk menentukan kedalaman kdedudukan lapisan aquifer dalam sesuatu telaga bagi memastikan pengeluaran air berterusan sepanjang musim walaupun ketika kemarau.

Eksplorasi air tanah perlu dipergigatkan bagi meningkatkan penggunaan air tanah sebagai sumber alternatif bekalan air negara.

tanah adalah untuk tujuan domestik dilakukan individu setempat, selain untuk pertanian dan perternakan.

Walaupun sudah banyak eksplorasi air tanah dilakukan agensi kerajaan, kadar kejayaan mendapatkan telaga produktif masih kecil. Ini kerana kebanyakannya eksplorasi dilakukan secara kurang bersistematis termasuk penggerudian telaga dilakukan tanpa mengetahui maklumat geologi terperinci sesuai kawasan.

Maklumat seperti jenis batuan, struktur perlapisan batuan dan kedudukan lapisan aquifer baik sepertinya mestiz ada sebelum kerja penggerudian.

Oleh itu, antara kaedah kajian harus dilakukan sebelum penggerudian ialah kajian geofizik bagi melihat struktur perlapisan batuan di bawah permukaan. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah keberintangan geoelektrik yang menganggarkan porositi lapisan batuan berdasarkan nilai keberintangan geoelektrik.

Kandungan air tinggi dalam lapisan aquifer akan memberikan nilai keberintangan rendah, sementara lapisan batuan padat memberikan nilai keberintangan tinggi.

Pada masa kini, kebanyakannya kajian Jabatan Pengairan dan Saliran terhadap lembangan sungai di seluruh negara membabitkan potensi untuk eksplorasi air tanah sebagai sumber alternatif.

Contohnya, kajian Integrasi Pengurusan Lembangan Sungai Batu Palah dan Lembangan Sungai Johor yang dilakukan Syarikat ZHL Engineering Sdn Bhd bersama-sama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran memberi penekanan kepada eksplorasi air tanah sebagai sumber air alternatif selain sumber air permukaan.

Langkah ini amat bertepatan bagi membangunkan penggunaan air tanah sebagai sumber alternatif bekalan air negara.

**Penulis adalah** Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia



Dr Mohd Rozi  
Umor



**KERATAN AKHBAR**  
**23 October 2020**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pengarah syarikat antara 8 direman
Muka Surat	:	16

*Kes pencemaran air Sungai Gong*

## Pengarah syarikat antara 8 direman

Dua pekerja tempatan, empat warga asing turut kena reman

Oleh Nor Azizah Mokhtar dan Farah Marshita Abdul Patah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lapan suspek, termasuk pengarah sebuah syarikat, direman tujuh hari oleh Mahkamah Majistret Selangor bagi membantu siasatan kes pencemaran air Sungai Gong, Rawang.

Perintah reman itu dikeluaran Majistret Nik Mohd Fadli Nik Azlan bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 430 Kanun Kesek�an.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat, berkata semua suspek berusia antara 28 hingga 66 tahun direman bermula semalam sehingga 28 Oktober.

"Suspek diwakili dua pe-

guam," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu, dua pengarah syarikat yang juga anak beranak dibawa bersama enam pekerja terdiri dua lelaki tempatan dan empat lelaki warga asing dari Nepal, Pakistan dan Myanmar ke Mahkamah Selangor untuk permohonan reman.

Polis dalam kenyataannya memaklumkan, polis menahan reman seorang lelaki berusia 62 tahun dan anak lelakinya berusia 31 tahun.

"Polis turut menahan enam pekerja, iaitu dua warga tempatan dan empat lelaki warga asing dari Nepal, Pakistan dan Myanmar.

"Semua suspek ditahan di Rawang pada jam 11.30 pagi tadi (semalam)," katanya.

Fadzil berkata, tangkapan itu dibuat susulan insiden pencemaran terbaru Sungai Gong yang dikesan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor)



Lapan suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Selangor, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

jam 12.38 pagi pada 19 Oktober lalu.

"Air Selangor mengesan bau abnormal pada sumber air mentah di Sungai Selangor. Susulan itu Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang terpaksa dihenti

tugas apabila kadar bau dikesan pada paras tiga ton.

"Pada jam 2 pagi, beberapa LRA yang lain turut terpaksa dihenti tugas apabila kadar bau dikesan pada paras tiga ton.

"Hasil siasatan awal mendapat bau yang dikesan berakhir di alur air Sungai Gong, Rawang yang disyaki bermula dari sebuah syarikat membaki dan

mjenjual jentera pembinaan," katanya.

Pencemaran air Sungai Gong Isnin lalu itu menyebabkan 1,196,457 akaun merangkumi 1,292 kawasan terjejas di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.



**KERATAN AKHBAR**  
**23 October 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pencemaran: Lapan individu direman tujuh hari
Muka Surat	:	12

## Pencemaran: Lapan individu direman tujuh hari



**FADZIL AHMAT**

**SHAH ALAM:** Dua beranak termasuk pengarah sebuah syarikat membaiki dan menjual jenama pembinaan yang ditahan bagi membantu siasatan kes pencemaran Sungai Selangor direman selama tujuh hari oleh Mahkamah Majistret Selangor dekat sini.

Turut direman tempoh sama sehingga Rabu depan ialah enam lagi individu iaitu pekerja mereka yang merupakan lelaki warga Nepal, Pakistan dan Myanmar.

Perintah reman terhadap kesemua suspek itu dikeluarkan Majistret Nik Mohd. Fadhl Ni Azlan.

Kesemua mereka yang ditahan diwakili dua peguam.

Kelmarin, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, pihaknya menahan lapan individu terabit termasuk dua beranak di sekitar Rawang pada pukul 11.30 pagi.

Menurutnya, siasatan awal pihaknya mendapat bau yang

dikesan berakhir di alur air Sungai Gong dipercayai bermula daripada premis syarikat tersebut.

"Susulan itu, kita menahan dua lelaki iaitu seorang berusia 62 tahun dan anaknya berusia 31 tahun yang merupakan pengarah syarikat berkenaan.

"Selain itu kita turut menahan enam pekerja mereka termasuk empat lelaki warga Nepal, Pakistan dan Myanmar bagi membantu siasatan," katanya.

Baru-baru ini, Kementerian Alam Sekitar dan Air memaklumkan telah mengenal pasti tiga kawasan kilang yang disyaki menjadi punca pencemaran bau di Sungai Gong, hingga menyebabkan gangguan bekalan air di tujuh kawasan di Lembah Klang melibatkan kira-kira lima juta pengguna.

Siasatan Air Selangor turut mengesan bau bahan pelarut yang hampir sama dengan pencemaran di Sungai Gong, awal bulan lalu.




**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



## KERATAN AKHBAR

**23 October 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Gangguan air sejak lebih 10 tahun
Muka Surat	:	19



**MASALAH** gangguan bekalan air di Selangor sering berlaku sejak 10 tahun lalu.

## Gangguan air sejak lebih 10 tahun

### **SAUDARA PENGARANG.**

**MASALAH** gangguan bekalan air bukanlah perkara baharu di Selangor sebaliknya sudah berlaranut sejak lebih 10 tahun lalu.

Agensi yang menguruskan perkara ini dilihat bersikap acuh tak acuh sahaja walaupun telah banyak kali aduan dibuat.

Begitu juga dengan beberapa laporan yang disiarkan di media cetak dan elektronik termasuk *Utusan Malaysia*. Namun, seolah-olah tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak berwajib.

Sekjak 2008 hingga pertengahan tahun ini, sebanyak 83,729 gangguan bekalan air dilaporkan.

Puncanya, sama ada sungai (air mentah) tercemar yang menyebabkan loji air terpaksa ditutup atau kerja-kerja penyelenggaraan paip pecah atau masalah teknikal lain.

Daripada jumlah itu, kira-kira 50 peratus gangguan berlaku di Selangor dengan selebihnya di negeri-negeri lain.

Ini menunjukkan Selangor sebenarnya berhadapan dengan krisis air yang tidak berkesudahan.

Kes-kes berkaitan pencemaran sungai yang dibawa ke mahkamah menunjukkan denda atau hukuman tertinggi direkodkan dalam tempoh sama hanya RM75,000.

Oleh itu, tindakan tegas dan segera perlu diambil oleh kerajaan negeri Selangor bagi memastikan masalah gangguan air diselesaikan dengan segera kerana ia memberi kesan kepada aktiviti harian pengguna.

**PENDUDUK KESAL**  
Selangor



**KERATAN AKHBAR**  
**23 October 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tular video: Azhar hanya tuntut keadilan
Muka Surat	:	32

## Tular video: Azhar hanya tuntut keadilan

**KLANG:** Tindakan seorang pemuda yang mengambil video memuji tindakan Syarikat Ranhill SAJ menghantar bekalan air terus kepada rakyat Selangor hanya sekadar mahu mencari keadilan sosial, bukannya memalukan mana-mana pihak.

Malah, Mohd.Azhar Osman, 37, yang juga Ahli Majlis Tertinggi Pertubuhan Integrasi Nasional (PIN) berkata, ketiadaan bekalan air mentah lebih dari tiga kali tahun ini adalah sangat melampau kerana terlalu kerap.

"Saya tularkan video tersebut kerana menganggap tindakan Syarikat Ranhill SAJ amat terpuji. Walaupun mereka datang dari Johor tetapi mereka sanggup membantu rakyat Selangor yang tiada air.

"Itu yang saya ingin uar-uarkan supaya kerajaan negeri menyelesaikan masalah air dengan lebih menyeluruh.." katanya kepada pemberita di Taman Klang

Jaya hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Pertubuhan 99 Kebajikan Insan Selangor (Kesan), Muhd.Ali Zakariah.

Tambah Mohd.Azhar, dia juga mencadangkan kerajaan negeri untuk memperbaikkan pasukan petugas khas melibatkan penguatkuasa dan pertubuhan bukan kerajaan untuk memantau aktiviti pencemaran air di seluruh kawasan longkang, parit dan sistem saliran di negeri ini.

"Tiada guna berbelanja besar membeli dron jika kemampuannya terhad pada waktu tertentu. Bolehkah dron memantau efluen yang dibuang semasa hujan lebat.

"Kerajaan negeri harus mengutamakan rakyat dalam segala tindakan, jangan pentingkan diri sendiri sementara rakyat menderita mengangkat air daripada pelbagai sumber," katanya.

Sementara itu Muhd.Ali berkata, pihaknya berpendapat

"Ramai yang tutup kedai makan kerana bekalan air tiada, begitu juga peniaga tertentu yang mengeluh kerana PKPB untuk membendung pandemik Covid-19.

"Kerajaan negeri sewajarnya membantu rakyat akibat dua masalah ini dengan bantuan keuangan tambahan selain Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0," jelasnya.

Terdahulu tular video berdurasi dua minit 12 saat memaparkan lori tangki Ranhill SAJ yang menyalurkan bekalan air terus ke sebuah rumah di sekitar Taman Sri Andals dan mempersoalkan lori tangki Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) yang boleh bertindak sedemikian rupa di rumah Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berbanding rakyat negeri ini. Berdasarkan video tersebut, sebanyak 12 lori tangki digerakkan ke sekitar Selangor bagi membantu penduduk yang terkesan akibat gangguan air.



**TANGKAP layar video yang tular menunjukkan Mohd. Azhar Osman memuji tindakan Syarikat Ranhill SAJ menghantar air ke kawasan penduduk di Taman Seri Andals.**



## KERATAN AKHBAR

23 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Gesa guna undi pos
Muka Surat	:	4



PETUGAS Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) lengkap berpakaian perlindungan diri (PPE) melakukan pemeriksaan saringan Covid-19 terhadap penghuni di Flat Pelangi, Damansara, semalam.

+ ELAK KESILAPAN PRN SABAH BERULANG

# Gesa guna undi pos

Kuala Lumpur

Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah baru saja berakhir namun Malaysia kini berhadapan dengan gelombang ketiga Covid-19, yang puncanya didakwa akibat kecuaian dan kesesuaian sepanjang tempoh berkempen.

Mengakui langkah pengawal sebelum ini tidak memadai untuk membendung lonjakan kes berikutnya pilihan raya negeri Sabah, kerajaan kini mengeluarkan perintah larangan pergerakan yang berbeza-beza untuk Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Sabah.

Oleh kerana Malaysia dijangka berhadapan dengan beberapa pilihan raya tidak lama lagi - iaitu pilihan raya kecil Parlimen Batu Sapi pada bulan Disember dan pilihan raya negeri Sarawak pada Jun tahun hadapan, dan kemungkinan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) dalam setahun ini, pakar kesihatan awam melahirkan rasa kebimbangan kemungkinan berulangnya keadaan seperti di Sabah selagi wabak itu masih aktif dan tidak ada lagi vaksin yang berkesan.

Atas alasan itulah mereka menggesa diperkenalkan kaedah undi melalui pos atau pengundian tanpa kehadiran.

"Pengundian melalui pos boleh dilaksanakan. Orang ramai boleh mengemukakan undi pos dan dikira," kata Prof Dr Marzuki Isahak, pakar di Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Universiti Malaya.

Beliau berkata, Malaysia perlu mendorong sebarang sistem pengundian yang akan menghalang orang ramai daripada berkumpul di satu tempat untuk mengundi.

Dr Mas Ayu Said, ahli epidemiologi di Jabatan Perubatan Sosial dan Pencegahan di Universiti Malaya, turut bersetuju dalam perkara ini.

"Kita benar-benar harus bersiap sedia (untuk pengundian). Kita tidak mahu berulangnya apa yang kita lauh di Sabah. Kita perlu memikirkannya kaedah lain untuk melaksanakan pilihan raya," katanya.

Sehingga 18 Oktober lalu, 443 pengunjung Sabah yang kebanyakannya terbabit dengan pilihan raya, dikesan

positif Covid-19 dan menghasilkan sekurang-kurangnya 24 kluster di bahagian lain di Malaysia. Dari angka satu digit pada bulan Ogos, Malaysia mencatat kes harian tertinggi iaitu 871 pada 18 Oktober.

Oleh itu, adakah pilihan raya bakal menjadi satu lagi perkara yang harus disesuaikan oleh rakyat Malaysia untuk melakukan penjarakan susulan wabak itu?

Memang mudah untuk bercakap, kata Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Walaupun Malaysia memang mempunyai sistem undi melalui pos, tetapi untuk melaksanakannya kepada semua orang kemungkinan sesuatu yang mustahil buat masa sekarang.

Kini, beberapa kumpulan dibenarkan

kan untuk mengundi melalui pos.

Anggota SPR, Zoe Randhawa agak resah ketika dimaklumat idea membuka undi pos kepada berjuta-juta orang ramai pada PRU15 di samping memastikan semuanya dilakukan dengan betul dan telus dalam masa singkat.

"Akan ada kecenderungan untuk tidak mempercayai pilihan raya kami, (sama ada) betul atau salah. Oleh itu, kita tidak boleh memperkenalkannya dan kemudian orang ramai tidak mempercayai sistem ini," katanya.

**“ Dorong sistem pengundian yang halang orang ramai berkumpul**  
Dr Marzuki





**KERATAN AKHBAR**  
**23 October 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	8 direman bantu siasatan kes pencemaran air sungai gong
Muka Surat	:	6

## 8 direman bantu siasatan kes pencemaran air Sungai Gong

**Selayang:** Lapan individu termasuk dua pengarah syarikat di Rawang direman tujuh hari bagi membantu siasatan berhubung pencemaran air Sungai Gong yang menyebabkan 1,196.457 akaun merangkumi 1,292 kawasan terjejas, Isnin lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nik Mohd Fadli Nik Azlan bagi membolehkan siasatan lanjut dilanjutkan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan.

Ketua Jabatan Siasatan Jernayah Selangor Datuk Fadzil Ahmad berkata, tahanan reman dikeluarkan bermula semalam sehingga 28 Oktober ini.

"Suspek diwakili dua pe-

guam dan siasatan lanjut akan dilanjutkan," katanya.

Terdahulu, dua pengarah syarikat yang juga anak beranak dibawa bersama enam pekerja terdiri dua lelaki tempatan dan empat lelaki warga asing dari Nepal, Pakistan dan Myanmar ke Mahkamah Selayang untuk permohonan reman.


Sebelum ini, Air Selangor mengesan bau abnormal pada sumber air mentah di Sungai Selangor pada jam 12.38 tengah malam 19 Oktober lalu.

Berikutnya itu Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas apabila kadar bau dikesan pada paras tiga ton.

Pada jam 2 pagi, beberapa LRA lain terpaksa dihenti tugas apabila kadar bau dikesan pada paras tiga ton.

Hasil siasatan awal mendapati bau yang dikesan berakhir di alur air Sungai Gong, Rawang disyaki bermula dari sebuah syarikat membaiki dan menjual jentera jentera pembinaan.

Harian Metro sebelum ini melaporkan henti tugas keempat-empat loji itu menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjaya membabitkan 1,196.457 akaun merangkumi 1,292 kawasan di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.



LAPAN  
suspek tiba  
di Mahkamah  
Majistret  
Selayang  
untuk  
direman,  
semalam.



**KERATAN AKHBAR**  
**23 October 2020**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Gangguan air, 2 beranak antara 8 individu direman tujuh hari
Muka Surat	:	8

# Gangguan air, 2 beranak antara 8 individu direman tujuh hari

**SELAYANG** – Dua beranak yang merupakan pengarah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan serta enam pekerja mereka direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes pencemaran Sungai Gong di Mahkamah Majistret Selayang semalam.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Nik Mohd. Fadli Nik Azlan ke atas kesemua suspek berusia antara 28 hingga 66 tahun.

Terdahulu, mereka yang memakai baju lokap polis berwarna ungu dan oren itu dibawa ke Kompleks Mahkamah Selayang pukul 9 pagi selepas mereka ditahan di Rawang pukul 11.30 pagi.

*Kosmo!* semalam melaporkan dua beranak antara lapan individu yang ditahan polis bagi membantu siasatan kes pencemaran sungai yang mengakibatkan gangguan bekalan air kepada lima juta pengguna di tujuh wilayah antaranya di Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, dan Kuala Selangor.



DUA beranak termasuk enam pekerja syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan direman di Mahkamah Majistret Selayang semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, siasatan awal pihaknya mendapati bau yang dikesan berakhir di alur air Sungai Gong dipercayai bermula daripada premis syarikat tersebut.

“Berikutnya itu, kita menahan dua lelaki dan enam pekerja mereka termasuk empat lelaki warga asing dari Nepal, Pakistan dan Myanmar bagi membantu

siasatan,” katanya.

Tambah Fadzil, penahanan itu dilakukan susulan laporan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd yang mengesan bau abnormal pada sumber air mentah di Sungai Selangor pada pukul 12.38 tengah malam kelmarin.

Keadaan itu menyebabkan Loji Rawatan Air Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas apabila kadar bau dikesan pada paras 3 ton.



## KERATAN AKHBAR

**23 October 2020**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'MB Selangor boleh, tetapi rakyat tak boleh?'
Muka Surat	:	14

## 'MB Selangor boleh, tetapi rakyat tak boleh?'

### Tular

**KLANG** – Tindakan seorang lelaki menularkan video yang memuji syarikat pembekal air berspadu Johor, Ranhill SAJ dalam membantu menyalurkan air sehingga ke sebuah rumah warga emas di sini baru-baru ini bukanlah mahu memalukan mana-mana pihak.

Mohd. Azhar Osman, 37, berkata, keprahitarian syarikat Ranhill SAJ dalam membantu

seorang warga emas tanpa perlu beratur lama dan panjang di satu-satu kawasan atau pusat khidmat setempat perlu diconthoh kerajaan negeri.

"Saya tularkan video itu kerana menganggap tindakan Ranhill SAJ ini amat terpuji. Walaupun mereka datang jauh dari Johor, tetapi mereka sanggup membantu rakyat Selangor yang tiada air dengan terus ke rumah-rumah pengguna yang terkesan.

"Justeru, kenapa Menteri Besar Selangor boleh (diberikan bantuan bekalan air sehingga

ke rumah), tetapi rakyat tidak boleh, seperti dilakukan Ranhill SAJ," soalnya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Semalam, tular rakaman video berdurasi 2 minit 12 saat yang memaparkan sebuah lori tangki Ranhill SAJ menyalurkan bekalan air terus ke sebuah rumah dibuni seorang warga emas di sekitar Taman Sri Andalas di sini.

Berdasarkan video itu, sebanyak 12 lori tangki digerakkan ke sekitar Selangor bagi membantu penduduk yang terkesan akibat

gangguan bekalan air tidak berjadual bermula Isnin lalu.

Selasa lalu, Kosmo! melaporkan lebih 5 juta penduduk Lembah Klang sekali lagi terputus bekalan air apabila empat Loji Rawatan Air Sungai Selangor menghentikan operasi sejak Isnin lalu ekoran pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor dipercayai berpunca dari pada kilang haram.

Gangguan bekalan itu menyebabkan ramai yang marah dengan masalah air yang bagaimanapun yang terkesan akibat



**TANGKAP** layar video memaparkan Mohd. Azhar menunjukkan lori tangki Ranhill SAJ yang membantu seorang warga emas di Taman Sri Andalas, Klang baru-baru ini.



**KERATAN AKHBAR**  
**23 October 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Lapan lelaki direman tujuh hari
Muka Surat	:	18

# Lapan lelaki direman tujuh hari

Didakwa terbabit dalam kejadian pencemaran sungai di Selangor

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

SELAYANG

**L**apan lelaki termasuk pengarah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan yang disyaki terbabit dalam kejadian pencemaran sumber air di Sungai Selangor direman selama tujuh hari bermula semalam.

Perintah reman yang akan tamat pada 28 Oktober ini dikeluarkan oleh Majistret Mahkamah Selayang, Nik Mohd Fadli Nik Azlan ke atas semua suspek yang berusia 28 hingga 66 tahun.

Terdahulu, mereka yang memakai baju lokap polis berwarna ungu dan oren itu dibawa ke Kompleks Mahkamah Selayang pada jam 9 pagi semalam selepas ditahan di Rawang, Selangor jam 11.30 pagi kelmarin.

Lelaki berusia 62 tahun serta anaknya yang berusia 31 tahun iaitu pengarah syarikat itu ditahan bersama enam pekerja, masing-masing dua warga tempatan dan empat lelaki warga asing dari Nepal, Pakistan dan Myanmar.

Mengikut kenyataan polis sebelum ini, siasatan ke atas mereka dijalankan mengikut Seksyen 430 Kanun Kesejahteraan kerana melakukan perbuatan khianat sehingga menyebabkan berlaku pemutusan bekalan air untuk tujuan pertanian, makanan atau minuman kepada ma-



nusia dan haiwan atau bagi menjalankan sebarang pengeluaran.

Ia susulan pencemaran sungai yang dikesan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pada jam 12.38

pagi, 19 Oktober lalu.

Air Selangor turut menganjurkan bau abnormal pada sumber air mentah di Sungai Selangor.

Ekoran itu Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas apabila kadar

bau dikesan pada paras tiga ton.

Pencemaran itu menyebabkan gangguan di 1,292 Kawasan di Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Lapan lelaki termasuk seorang pengarah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan direman tujuh hari oleh Mahkamah Majistret Selayang di sini semalam berhubung pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



**KERATAN AKHBAR**  
**22 October 2020**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Belanjawan 2021: Fokus Anak Muda Ceburi Bidang Pertanian
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



**KERATAN AKHBAR**  
**22 October 2020**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Subang Jaya Kini Bandar Raya, ADN Puji...
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



**KERATAN AKHBAR**  
**22 October 2020**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Tingkat Kemudahan Awam, Perhebat Kehidupan Bandar Subang Jaya
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



**KERATAN AKHBAR**  
**23 October 2020**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MBPJ ANNOUNCEMENT
Muka Surat	:	2

**MBPJ ANNOUNCEMENT**  
Petaling Jaya City Council's (MBPJ) drive-through counter at its headquarters will be closed from Oct 12 onwards for maintenance works. All payments can be done online via ePay@MBPJ.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR		
23 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Standardising speed bumps
Muka Surat	:	2



Ismail (centre) and the Ten-Mins team using the Hump-Fit device to measure height of a speed bump. From left: Rita Hanum Abd Malik, Muhammad Daudah, and Herries Nasirah Jali. — ART CHEN/The Star (Courtesy of MBPJ)

# Speedy solution

Speed bumps of inconsistent size and poor quality, which pose a danger to road users, may be a thing of the past thanks to Hump-Fit, a lightweight measuring tool designed by Petaling Jaya City Council to standardise construction in a faster and cheaper way. >2&3

Gentle slope: This speed bump along Jalan 21/27 in Petaling Jaya was built using Hump-Fit to ensure standardisation and adherence to the council's specifications. — ART CHEN/The Star

## Standardising speed bumps

By JADE CHAN jade@thestar.com.my

WITH speed bumps come reflective lines painted on the structure, speed breaker lines on the ground and a gentle slope. But how do we alert motorists of its presence, without making it a danger to road users.

Local councilor Aperit Aperit questioned if local councils were following the correct procedures when building speed bumps.

(MBPJ) workers installed the speed bump at a residential area that is adjacent to the Villa 21 housing area here, said Aperit, 37.

They left the speed bump bare with no reflective lines or signs. They only put up some signboards at the side of the road. "The workers had completed their work, causing problems," he said.

"We residents in the neighbourhood have been complaining about a half upon spotting the speed bump."

"Even motorcyclists were caught off guard by the speed bump, especially when they hit the bump at night. They were shocked and reported it when they were too close and hit the speed bump," he said.

"That is why the reflective lines are very important especially at night," he told StarMetro.

Aperit, who has been working with his workers came and painted stripes on the road, not on the speed bump. That is why the problem did not solve the matter,

"After the workers came and decided to remedy the situation, and now the speed bump is standardised and used by MBPJ for the sake of safety of road users," he said.

